

Sudut Bacaan AZKA UMSKAL jadi rujukan pelajar dan pensyarah

UB 19.11.2021 P.06

LABUAN: Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) perlu sentiasa bergerak ke hadapan memainkan peranan dalam mengurusperandakan zakat kepada masyarakat.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Abdul Hakim Amir Osman, berkata pelbagai kemudahan dan saluran zakat perlu ditambahbaik dari semasa ke semasa bagi memudahkan masyarakat Islam melaksanakan kewajipan mereka.

"Selari dengan hal ini, PPZ-MAIWP melaksanakan pelbagai usaha dengan bekerjasama dengan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) demi mengangkat zakat kepada perhatian awam.

"Peranan yang dapat kami mainkan adalah dengan memasukkan elemen pembelajaran zakat kepada golongan pelajar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Sudut Bacaan AZKA (Akademi Zakat) @Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) pada Rabu lalu.

Turut hadir Pemangku Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Mohamad Rizal Abdul Hamid, Pengurus Besar Kanan Operasi, PPZ-MAIWP, Mohamad Hassan,



RASMI: Abdul Hakim (kanan) bersama Dr. Mohamad Rizal merasmikan Sudut Bacaan AZKA (Akademi Zakat) @Perpustakaan UMSKAL.

Ketua Pentadbiran UMSKAL, Zamri Haji Mohammad Tuah dan Pustakawan Kanan UMSKAL, Dg Ruhidah Raplee.

Abdul Hakim berkata pewujudan sudut bacaan yang dipenuhi dengan buku-buku zakat diharap pengetahuan tentang zakat dapat sampai kepada golongan pelajar.

"Adalah diharapkan dengan pelancaran AZKA Corner @ UMSKAL ini, pelajar UMSKAL memberi respon yang baik, membaca dan mengulang kaji buku-buku zakat yang ada.

"Mudah-mudahan usaha seperti ini menjadi pemangkin kepada pelajar untuk terus berusaha dan cemerlang

dalam apa jua bidang yang diceburi, dan tidak lupa tentang kewajipan menunaikan zakat apabila telah memasuki alam pekerjaan nanti," katanya.

Tambah Abdul Hakim, usaha sedemikian juga menjadi pendorong kepada pensyarah dan kakitangan UMSKAL untuk mula menunaikan zakat di PPZ-MAIWP, seperti membuat potongan gaji secara bulanan.

Katanya, dengan pembayaran zakat daripada warga UMSKAL, akan dapat meningkatkan kutipan zakat untuk diagihkan kepada mereka yang memerlukan terutamanya dalam situasi pandemik COVID-19 ini.



KENANGAN: Abdul Hakim (empat kanan) dan Dr. Mohamad Rizal (tiga kiri) bersama pegawai kanan UMSKAL dan kakitangan Perpustakaan UMSKAL.

"Lagi banyak dana zakat dapat dikumpul, lagi ramai ah asnaf-asnaf dapat disantuni melalui pelbagai skim agihan yang dikendalikan oleh Baitulmal-MAIWP," katanya.

Sementara itu, Dr Mohamad Rizal mewakili penguurusan tertinggi UMS mengucapkan terima kasih kepada PPZ-MAIWP atas inisiatif mewujudkan hubungan sinergi di antara PPZ MAIWP dan UMSKAL dengan mewujudkan Sudut Bacaan Akademi Zakat (AZKA Corner) di Perpustakaan UMSKAL.

"Pihak UMSKAL amat berbesar hati dengan inisiatif dan usaha yang dilaksanakan oleh PPZ-MAIWP untuk warga UMSKAL yang dapat dimanfaatkan dalam jangka masa yang panjang di samping jalinan kerjasama dapat diperkukuhkan lagi antara UMSKAL dan PPZ-MAIWP," katanya.

Sudut bacaan AZKA ini merupakan sudut bacaan AZKA yang pertama di seluruh Kampus UMS dan UMSKAL telah dipilih sebagai lokasi yang pertama.

Ia mula dibuka pada awal September dan siap pada 16 Oktober 2020.

Sebanyak 419 bahan bacaan



TERBAIK: Abdul Hakim (kanan) bersama Dr. Mohamad Rizal (dua kiri), Mohamad dan Zamri (kanan) menunjukkan isyarat bagus selepas perasmian Sudut Bacaan AZKA (Akademi Zakat) @ Perpustakaan UMSKAL.



PENGHARGAAN: Dr. Mohamad Rizal (dua kiri) menyampaikan cenderamata kepada Abdul Hakim sambil diperhatikan Mohamad dan Zamri (kanan).

ditempatkan di sudut bacaan AZKA merupakan buku-buku, kajian dan bahan-ba-

han rujukan berkaitan zakat dan kewangan yang boleh dijadikan sebagai rujukan

oleh mahasiswa, kakitangan akademik dan warga UMSKAL.



ALBUM: Abdul Hakim (empat kanan) dan Dr. Mohamad Rizal (tiga kiri) bersama kakitangan Perpustakaan UMSKAL.